

**PENGURUSAN DANA TABUNG MASJID DI MALAYSIA:
SATU KAJIAN DI MASJID AL-MUTTAQIN WANGSA MELAWATI,
KUALA LUMPUR BAGI TAHUN 2012-2013**

**Mohd Kamarul Amree Bin Mohd Sarkam
Redwan Bin Yasin
Sayuti Bin Abdul Ghani
Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional
kamarul@upnm.edu.my / odei_85@yahoo.com**

ABSTRAK

Pada dasarnya, kelancaran pelbagai aktiviti yang dilakukan di masjid terletak di atas kekuatan sumber ekonominya. Dalam erti kata lain, ketelusan pengurusan dana yang dijana dan diperuntukkan secara langsung atau tidak langsung sebenarnya mencerminkan keupayaan sesebuah masjid di dalam merencana pelbagai aktiviti yang boleh memberi manfaat kepada ummah dan masyarakat. Permasalahan sering berlaku apabila ianya tidak diselenggara dan diurustadbir dengan cara baik dan teratur, Justeru itu, satu kajian khusus cuba dilakukan dalam pembentangan ini berkenaan dengan pengurusan dana tabung bagi Masjid al-Muttaqin yang terletak di Wangsa Melawati, Kuala Lumpur. Kajian dijalankan bagi menjelaskan konsep asas dan sistem pengurusan masjid di Malaysia secara amnya dan Masjid al-Muttaqin secara khusus. Pemfokusan kajian adalah tertumpu kepada pengurusan dana tabung Masjid al-Muttaqin bagi tahun 2012-2013 yang dinilai daripada sudut pemberian, penerimaan, dan juga perbelanjaan bagi merencana aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pihak masjid. Kajian ini dilihat penting untuk memberikan sumbangan ilmiah kepada pihak masjid dalam mewujudkan penambahbaikan pengurusan wang dana tabung masjid yang terkumpul bagi setiap tahun.

1) PENGENALAN

Masjid merupakan tempat yang suci dan eksklusif bagi umat Islam di serata dunia. Di masjid juga terdapat pelbagai ritual `ibadah dilakukan setiap masa seperti solat fardhu berjemaah, solat jumaat, aktiviti `iktikaf, *qiyamullail* dan sebagainya. Walaubagaimanapun, aktiviti-aktiviti di masjid bukan hanya terhad kepada ritual `ibadah semata-mata malah pelbagai aktiviti lain boleh juga dilakukan yang berlandaskan shari`ah seperti ceramah dan tazkirah agama, karnival Islam, jual beli dan sebagainya. Kesemua aktiviti-aktiviti rohani dan sosial yang dilakukan sangat bersesuaian dengan peranan masjid sebagai tempat untuk mengembangkan syiar Islam.

Kajian ini akan menfokuskan kepada pengurusan dana tabung masjid bagi Masjid Al-Muttaqin, Wangsa Melawati, Kuala Lumpur. Oleh kerana Masjid Al-Muttaqin dikategorikan sebagai pusat perkembangan syiar Islam, maka pihak pengurusan masjid tersebut mesti bertanggungjawab daripada setiap segenap aspek bagi merealisasikan perkara tersebut. Ini termasuklah menguruskan dana pengurusan tabung masjid bagi melicinkan setiap perjalanan aktiviti-aktiviti untuk kemaslahatan masyarakat dan ummah. Persoalannya, adakah terdapat permasalahan yang timbul daripada segi urus tadbir kewangan masjid? Bagaimanakah Masjid Al-Muttaqin menguruskan dana tabung masjid melalui tiga aspek iaitu pemberian, penerimaan dan perbelanjaan? Kesemua persoalan akan dirungkai oleh penulis pada topik yang berikutnya.

2) INSTITUSI MASJID MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Perkataan masjid sebenarnya berasal daripada perkataan arab iaitu *sajada* bermaksud sujud. Menurut Ibn Manzur, masjid ialah istilah arab dari kata dasar *sajada* (telah sujud), *yasjudu* (sedang sujud) dan *sujudan* (meletakkan dahi ke bumi).¹ Ini berdasarkan firman Allah Ta'ala:

{وَأَسْرَأْ لَهُ سُجْدًا} ²

“Dan setelah itu mereka semuanya tunduk bersujud kepadanya (Yusuf)”.

Di dalam hadith Nabi (s.a.w.) ada menyatakan:

{وجعلت لي الأرض مسجداً وطهوراً}

“Dan dijadikan bumi ini bagi aku tempat sujud serta suci bersih”.³

Antara lain istilah ‘masjid’ berasal daripada kata nama tempat di dalam bahasa arab yang bermaksud ‘tempat bersujud’. Ini disokong oleh al-Zarkashi yang berpendapat bahawa kesemua tempat yang dilakukan ibadat ke atasnya dinamakan ‘masjid’.⁴ Namun apabila dimodenkan daripada sudut bahasa, masjid pada masa kini ditakrifkan sebagai sebuah bangunan yang digunakan sebagai tempat bersembahyang bagi orang-orang Islam.⁵

¹ Abu al-Fadl Jamal ad-Din Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab* (Beirut: Dar as-Sadir, 1882), 9/43.

² Al-Qur’an, 12: 100.

³ Muhammad Ibn Isma’il al-Bukhari, *Shahih al-Bukhari*, Jilid 1/119, (Bulaq: Al-Mathba’ah al-Amiriyah, t.t.).

⁴ Muhammad ibn Abdullah al-Zarkashi, *T’lam al-Sajid bi Ahkam al-Masajid*, (Kaherah: Dar al-Kutub, 1989), 27.

⁵ Mohamad Tajudin Mohamad Rasdi, Peranan, *Kurikulum dan Reka Bentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat*, (Johor: UTM Skudai, 1999), 4.

Daripada segi istilahnya, masjid merupakan tempat khusus untuk melakukan solat lima waktu sehari semalam. Masjid juga adalah tempat yang dikhususkan untuk dilaksanakan solat jumaat. Walaubagaimanapun, para ulama' berselisih pendapat tentang kegunaan masjid bagi aktiviti-aktiviti selain daripada ibadah. Al-Shahrawi berpendapat bahawa aktiviti-aktiviti lain selain daripada ibadah tidak digalakkan di masjid kerana ianya dikhususkan untuk ibadah semata-mata.⁶ Ini dikuatkan lagi dengan hujah yang mengatakan bahawa pelaksanaan ibadah di masjid contohnya solat lima waktu itu berlaku selamanya dan berterusan manakala solat seperti 'idul fitri dan 'idul adha tidak tergolong dalam aktiviti masjid dan ianya boleh dilaksanakan di surau, musolla atau sebagainya.⁷

Namun begitu hujah 'ulama' yang mengharuskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti selain daripada ibadah menggambarkan bahawa masjid adalah sebuah institusi sosial yang bertindak sebagai agen pembangunan ummah dan masyarakat. Quraisy Shibab berpendapat bahawa masjid bukan hanya tempat untuk bersujud semata-mata malah ianya juga ialah tempat untuk merencana segala aktiviti-aktiviti yang mencerminkan kepatuhan kepada Allah Ta'ala. Hujah tersebut tidak perlu disangkal lagi bahawa Rasulullah (s.a.w.) sendiri ialah orang yang melaksanakan tuntutan tersebut. Tidak keterlaluan juga untuk dikatakan bahawa Rasulullah menjadikan masjid sebagai pusat pentadbiran kerajaan Islam Madinah dan Baginda (s.a.w.) juga pernah mempelawa pembesar-pembesar asing bukan beragama Islam ke masjid atas urusan diplomasi antara dua negara. Bukankah kedua-dua perkara yang dilakukan oleh Baginda (s.a.w.) itu selain daripada ibadah? Maka, hujah yang mengatakan bahawa aktiviti-aktiviti selain ibadah tidak boleh dilakukan di masjid amatlah tidak boleh diterima akal fikiran yang di mana masjid itu sebenarnya ialah) pusat perkembangan syi'ar Islam yang meliputi segala aspek fizikal (sosial) dan spiritual (rohani).

Di samping itu, pembinaan masjid daripada sudut konteks maqasid shari'ah sangat bermanfaat untuk diselami. Salah satu konsep *jalbu masalih* (melaksanakan kemaslahatan) di dalam maqasid iaitu *hifz al-din* (pemeliharaan agama) sangat berkaitan dengan pembinaan masjid. Jika ditelusuri sejarah pembinaan masjid yang pertama di dalam Islam iaitu masjid Quba' mencerminkan kebijaksanaan Rasulullah (s.a.w.) sebagai seorang pemimpin dalam memelihara kesucian Islam dan menyatukan ukhwh sesama Muslim.

Pembinaan Masjid Quba' dan seterusnya Masjid Nabawi membuktikan asas perpaduan dan pengukuhan Islam telah terbina sejak dahulu lagi. Ini merupakan salah satu daripada contoh *hifz al-din* (pemeliharaan agama) yang menjadi teras kepada kesucian agam Islam dan untuk kemaslahatan umum.

3) PENGURUSAN MASJID DI MALAYSIA

Di dalam isu pengurusan masjid, Islam telah memberi garis panduan untuk melancarkan sistem pengurusan masjid. Salah satunya ialah umat Islam dituntut supaya sentiasa bergerak dan berkerjasama dalam aspek berjemaah. Saranan ini terbukti benar dengan dalil daripada hadith Nabi Muhammad (s.a.w) yang diriwayatkan oleh Abu Sa'id al-Khudri (r.a) yang bermaksud:

"Apabila tiga orang keluar rumah untuk suatu perjalanan, maka hendaklah salah seorang di antara mereka dilantik sebagai ketua rombongan yang mengurus hal mereka".⁸

⁶ Al-Shahrawi, *Al-Munjid fi al-Lughah*, (Beirut: Dar al-Masyru', 1986), 107.

⁷ Dipetik daripada kata-kata Dr. Abdul Malik as-Sa'adi di dalam Huri Yasin Husin, *Fikih Masjid*, (Jakarta: Pustaka al-Kauthar, 2011), 12

⁸ Abu Daud, 1992, jil . 3 : 350

Hadith di atas memberikan penekanan tentang pentingnya kehadiran seorang pemimpin di dalam sesuatu organisasi walaupun dalam struktur yang kecil. Oleh yang demikian, sistem pengurusan masjid di Malaysia terbahagi kepada dua bahagian iaitu di bawah kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Setiap masjid di Malaysia dan pengurusannya mesti patuh kepada akta-akta yang telah termaktub dalam perlembagaan masing-masing. Penghasilan akta-akta perundangan tersebut tidak lain tidak bukan adalah untuk memastikan keberkesanan dan kelancaran pengurusan masjid supaya berada di tahap yang tertinggi. Bagi Masjid al-Muttaqin yang terletak di Wangsa Melawati, kawasan jajahannya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan persekutuan yang memperuntukkan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1993. Sebagai contoh dalam Seksyen 74 (Bahagian Masjid) tentang penyenggaraan masjid dan kawasannya telah menetapkan perkara berikut:

1) Majlis hendaklah memastikan bahawa semua masjid dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan adalah disenggarakan dalam keadaan pembaikan yang sepatutnya dan bahawa kawasan kawasannya disenggarakan dalam keadaan kebersihan yang sepatutnya; dan Majlis boleh memperdapatkan dan menggunakan, atau membenarkan pemerdapatan dan penggunaan, wang khas bagi maksud pembaikan dan penyenggaraan itu, atau bolehlah membayar kos pembaikan dan penyenggaraan itu daripada Kumpulan Wang.

(2) Naqib Masjid atau Imam hendaklah dengan segera memberitahu Majlis tentang apa-apa keadaan yang memerlukan pembaikan dalam masjidnya, dan hendaklah memeriksa atau mengawasi mana-mana pembaikan itu sebagai ejen untuk dan bagi pihak Majlis.

(3) Tiada perubahan material kepada struktur masjid boleh dibuat tanpa kebenaran bertulis daripada Majlis.

(4) Majlis boleh mengarahkan sesuatu jawatankuasa kariah supaya menyenggarakan masjid yang di bawah tanggungjawabnya di dalam keadaan pembaikan yang sepatutnya.

Akta di atas jelas menunjukkan apa-apa perkara berkaitan penyenggaraan masjid mestilah merujuk majlis iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Di samping itu, pengurusan sesebuah masjid mestilah mempunyai organisasi yang dipandu seorang ketua atau pegawai masjid. Perkara ini telah ditetapkan dalam Seksyen 76 (Bahagian Masjid) tentang perlantikan pegawai masjid seperti yang berikut:

1) Bagi tiap-tiap masjid dalam Wilayah-Wilayah Persekutuan hendaklah dilantik seorang Naqib Masjid, seorang Imam, seorang Imam Ratib, seorang Bilal dan seorang Pembantu Bilal.

(2) Jawatan-jawatan Naqib Masjid, Imam dan Bilal hendaklah menjadi jawatan-jawatan dalam perkhidmatan awam am Persekutuan.

(3) Naqib Masjid, Imam dan Bilal hendaklah dilantik oleh Majlis daripada kalangan orang yang berkhidmat dalam perkhidmatan Pentadbiran Agama.

(4) Imam Ratib dan Pembantu Bilal hendaklah dilantik oleh Majlis, atas nasihat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak, daripada kalangan anak kariah.

(5) Apabila mula berkuatkuasanya seksyen ini, tiap-tiap orang yang sebelum sahaja mula

berkuatkuasanya seksyen ini, telah menjadi Imam dan Bilal suatu masjid yang dilantik di bawah Enakmen, hendaklah disifatkan sebagai telah dilantik sewajarnya di bawah seksyen ini sebagai Imam atau Bilal masjid itu masing-masingnya dan hendaklah, tertakluk kepada seksyen 78, terus memegang jawatan sebagai yang demikian.

Oleh yang demikian, maka amat jelaslah akta dan peruntukan yang telah termaktub di dalam undang-undang pentadbiran Islam Wilayah Persekutuan bagi hal ehwal pengurusan masjid. Justeru itu, setiap masjid-masjid di Wilayah Persekutuan terikat dengan undang-undang yang telah ditetapkan dan mesti patuh padanya demi menjamin kelancaran hal ehwal pengurusan seterusnya memberi kebaikan kepada ummah dan masyarakat.

4) SEJARAH PENUBUHAN MASJID AL-MUTTAQIN

Pembinaan Masjid Al-Muttaqin telah bermula pada tahun 2000 dan siap dibina pada bulan Mei 2002. Masjid ini mula beroperasi pada 8 September 2002 bersamaan 1 Rejab 1423H. Pada awalnya, masjid ini dinamakan Masjid Wangsa Melawati, sehinggalah ia diberikan nama oleh pihak JAWI dengan nama al-Muttaqin yang membawa maksud orang-orang bertakwa. Kariah masjid ini merangkumi beberapa buah taman perumahan sekitarnya iaitu Wangsa Perkasa, Wangsa Murni, Wangsa Ceria dan Wangsa Siaga dan lain-lain lagi. Sebelum kewujudan Masjid Usamah bin Zaid, semua urusan anak kariah Wangsa Maju dirujuk di Masjid ini. Pada awalnya, tapak masjid ini dirancang untuk dibina surau. Walaubagaimanapun, ia ditukar status untuk didirikan masjid disebabkan tapak asal Masjid Wilayah yang dirancang didirikan di Wangsa Maju (sekarang tapak Masjid Usamah Ibn Zaid) telah dipindahkan ke Jalan Duta. Ia juga dikenali sebagai sebuah Masjid Perlancongan. Terdapat dua buah surau yang terletak dibawah pentadbiran masjid ini iaitu Surau Wangsa Melawati dan Surau Al Kauthar, Wangsa Siaga.⁹

Kos pembinaan masjid ini dianggarkan sebanyak RM4.3 juta. Ia telah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia melalui Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Masjid ini boleh menampung jemaah seramai 1200 orang dalam satu-satu masa. Masjid al-Muttaqin diletakkan di bawah Pusat Pentadbiran Zon 4, Bahagian Pengurusan Kariah JAWI. Banyak pembinaan tambahan telah dibuat sekeliling masjid ini. Kebanyakan pembinaan tambahan masjid ini dibiayai oleh orang perseorangan serta sumbangan-sumbangan yang diberikan oleh orang ramai.¹⁰

Masjid al-Muttaqin merupakan masjid yang banyak memberikan kemudahan kepada masyarakat daripada segala aspek. Kemudahan-kemudahan tersebut boleh digunakan dengan keizinan daripada pihak masjid. Berikut adalah antara kemudahan yang disediakan oleh pihak masjid al-Muttaqin:

1. Dewan solat yang bersih. Dilengkapi dua LCD dan papan layar.
2. Sekolah Rendah Agama.
3. Empat unit kuarters kakitangan.
4. Dewan masjid berkapasiti 1200 orang.
5. Bilik pengurusan jenazah dan van jenazah.
6. Kemudahan parkir kereta yang luas.
7. Ruang dapur masjid yang selesa dan lengkap.

⁹ Yahya Utoh Said (Imam 1 Masjid al-Muttaqin), Telah ditemuramah oleh penulis, Kuala Lumpur, 30 Oktober 2014.

¹⁰ <http://www.islamgrid.gov.my>

8. Bilik Imam/Bilal berhawa dingin.
9. Gerai makanan dan koperasi.

Oleh yang demikian, Masjid al-Muttaqin adalah salah satunya masjid yang terletak di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur yang pesat membangun yang mempunyai potensi untuk berkembang maju dan boleh menjadi contoh kepada masjid-masjid yang lain. Ini kerana dengan keadaan kawasan yang tidak luas serta bersekitaran dengan kawasan kependudukan yang padat tetap tidak menghalang pengurusan masjid ini untuk terus maju ke hadapan melakukan pelbagai aktiviti-aktiviti berfaedah, menyediakan kemudahan dan prasarana yang lengkap dan selesa dan seterusnya memberi faedah dan kemaslahatan kepada ummah sekalian.

5) PENGURUSAN DANA TABUNG MASJID AL-MUTTAQIN BAGI TAHUN 2012-2013

Pengurusan dana tabung Masjid al-Muttaqin telah melalui pelbagai proses dan peringkat sejak daripada penubuhannya pada tahun 2002. Pihak pengurusan Masjid al-Muttaqin telah mengendalikan dana tabung masjid secara amanah dan telus daripada segi pemberian, penerimaan dan perbelanjaan. Oleh yang demikian, matlamat kertas kerja ini adalah untuk membincangkan pengurusan dana tabung Masjid al-Muttaqin bagi tahun 2012-2013. Di samping itu dapatan kajian akan menjerumus kepada penilaian pengurusan dana masjid daripada sudut pemberian, penerimaan dan juga perbelanjaan serta pandangan penambahbaikan pada masa akan datang.

Melalui penyata pendapatan dan perbelanjaan Masjid al-Muttaqin bagi akhir tahun 2012 dan 2013, secara ringkasnya dapat disimpulkan pada jadual di bawah:

Tahun	Pendapatan	Perbelanjaan	Jumlah Keuntungan (hasil pendapatan – perbelanjaan)
2012	RM 662,104.50	RM 472,663.35	RM 189,441.15
2013	RM 439,068.62	RM 331,136.51	RM 107,932.11
Keuntungan tahun 2012 + keuntungan tahun-tahun sebelumnya = RM 383,319.07		Keuntungan tahun 2013 + RM RM 383,319.07 = RM 491,251.18 (jumlah keseluruhan dana terkumpul)	

Berdasarkan jadual di atas, terdapat penurunan kadar keuntungan bagi tahun 2013 berbanding tahun 2012. Terdapat beberapa kemungkinan yang boleh dihuraikan pada dapatan kajian kelak. Walubagaimanapun, jumlah keseluruhan dana yang terkumpul oleh pihak Masjid al-Muttaqin boleh dibanggakan kerana ianya meningkat setiap tahun. Hasil daripada jumlah dana terkumpul tersebut pihak masjid menggunakannya untuk membuat pusingan modal di samping menerima pendapatan daripada sumber-sumber yang lain.¹¹

Daripada segi pemberian dan penerimaan, pihak Masjid al-Muttaqin menjana sumber pendapatan daripada pelbagai saluran kewangan yang terbahagi kepada dua saluran iaitu saluran kewangan rasmi dan tidak rasmi. Saluran kewangan secara rasmi adalah merujuk kepada sumber pendapatan yang diterima oleh pihak masjid secara bayaran tetap dan tidak berubah seperti duit sewa kedai wakaf, warung makanan, bazaar, dewan, iklan, yuran kelas dan sebagainya. Melalui saluran ini, pihak masjid dapat menetapkan berapakah anggaran pendapatan yang akan diterima

¹¹ Laporan penyata kewangan Masjid al-Muttaqin tahun 2012-2013.

setiap bulan dan ini memudahkan pihak masjid untuk membuat perkiraan. Manakala, saluran kewangan secara tidak rasmi pula merujuk kepada sumber pendapatan yang tidak tetap bagi setiap bulan disebabkan oleh faktor persekitaran dan orang ramai. Contoh-contoh saluran tidak rasmi ini adalah seperti duit kutipan jumaat, hibah, derma hari raya, tabung imarah dan sebagainya. Sumber pendapatan daripada saluran tidak rasmi ini amatlah terhad kerana ianya bergantung kepada faktor kesedaran orang ramai tentang pentingnya pemberian dan sedekah dalam ajaran Islam. Oleh itu, pihak Masjid al-Muttaqin tidak bergantung harap sepenuhnya kepada saluran kewangan tidak rasmi ini memandangkan ianya boleh berubah tiap saat dan ketika.

Sebagai contoh, salah satu daripada sumber pendapatan tidak rasmi Masjid al-Muttaqin ialah duit kutipan pada hari jumaat. Pada tahun 2012, pihak Masjid al-Muttaqin Berjaya mengutip sebanyak RM 108,958.00. Tetapi pada tahun berikutnya iaitu tahun 2013 jumlah kutipannya menurun iaitu sebanyak RM 104,924.15. Keadaan ini tidak menjadi masalah kepada pihak Masjid al-Muttaqin kerana jumlah kutipan lebih daripada seratus ribu sudah memadai dan menggambarkan tentang wujudnya kesedaran di kalangan umat Islam tentang fadhilat bersedekah. Ini dikuatkan lagi dengan faktor-faktor yang lain seperti keadaan persekitaran masjid yang bersebelahan dengan lebuh raya MRR2, berdekatan dengan kawasan pejabat-pejabat dan kawasan kejiranan yang majoritinya adalah penganut agama Islam dan lain-lain.

Sebagai tambahan, Masjid al-Muttaqin adalah sebuah masjid yang bijak menggunakan kawasannya walaupun kadar keluasan masjid tidak berapa besar namun ianya nampak meriah dengan adanya bangunan sekolah, kedai wakaf, warung makanan dan minuman, bazaar dan sebagainya. Daripada aspek-aspek tersebut pihak Masjid al-Muttaqin boleh menjana pendapatan di samping memberikan kemudahan dan keselesaan kepada masyarakat sekitar.

Daripada segi perbelanjaan, pihak Masjid al-Muttaqin membelanjakan wang dengan secara amanah dan berhemah. Perbelanjaan masjid al-Muttaqin disalurkan kepada aspek-aspek berikut seperti aktiviti dan program masjid, alat tulis dan percetakan, suguhati penceramah, jamuan dan tahlil, elaun kakitangan, kursus dan seminar, penyelenggaraan perlatan dan aset masjid dan sebagainya. Dengan merujuk kepada penyata pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2012 dan 2013 telah menunjukkan kadar perbelanjaan yang berbeza. Contohnya pada tahun 2012, pihak Masjid al-Muttaqin telah membelanjakan sebanyak RM 472,663.35 daripada hasil pendapatan sebanyak RM 662,104.50. Manakala pada tahun 2013, pihak Masjid al-Muttaqin telah membelanjakan sebanyak RM 331,136.51 daripada hasil pendapatan sebanyak RM 439,068.62. Ini menunjukkan perbelanjaan pada tahun 2012 lebih tinggi berbanding tahun 2013 disebabkan oleh beberapa faktor yang boleh berubah, tidak tetap dan bergantung kepada keadaan semasa ketika itu.¹²

Setelah membincangkan dapatan kajian tentang pengurusan dana tabung Masjid al-Muttaqin, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang difikirkan perlu untuk kebaikan dan pelaksanaan dana tabung masjid yang lebih mantap dan efisien. Di antara cadangan penambahbaikan tersebut ialah;

1. Pertama, pihak Masjid al-Muttaqin disarankan untuk menggalakkan masyarakat tentang fadhilat bersedekah melalui penganjuran seminar atau ceramah agama berkenaan perkara tersebut agar kedua-dua pihak mendapat manfaat dan pahala daripada Allah Ta'ala. Berdasarkan rekod kutipan duit sedekah di Masjid al-Muttaqin pada tahun 2012-2013 menunjukkan kesan yang positif iaitu betapa tinggi kesedaran yang umat Islam miliki terhadap fadhilat sedekah. Terdapat banyak dalil-dalil daripada al-Qur'an dan hadith nabi (s.a.w.) tentang kelebihan bersedekah. Di antaranya ialah;

(لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ)¹³

¹² Laporan penyata kewangan Masjid al-Muttaqin tahun 2012-2013.

¹³ Al-Qur'an, 3: 92.

“kamu sekali-kali tidak sampai kepada kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan sebahagian harta yang kamu cintai, dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”

Dalam hadith nabi (s.a.w.) juga membicarakan tentang kelebihan bersedekah, antaranya, Rasulullah (s.a.w.) bersabda:

*“tangan yang menghulur lebih baik daripada tangan yang menerima, mulakanlah dengan mereka yang di bawah tanggunganmu. Sebaik-baik sedekah itu adalah yang tidak mengorbankan keperluannya atau keluarganya. Sesiapa yang menahan daripada meminta sedekah dia akan dijaga oleh Allah Ta’ala, sesiapa yang merasa berpada-pada maka diberikan Allah Ta’ala kelegaannya”.*¹⁴

2. Kedua, pihak Masjid al-Muttaqin perlu mengadakan satu karnival keusahawanan seperti karnival cinta masjid seperti yang dibuat oleh stesen televisyen al-Hijrah di masjid-masjid wilayah terpilih demi untuk menjana kewangan dan pendapatan. Dengan penganjuran seperti ini pihak masjid al-Muttaqin bukan sahaja dapat menjana kewangan malah boleh mempromosikan masjid al-Muttaqin ke seluruh Malaysia supaya dikenali di mata masyarakat.
3. Ketiga, penggunaan sistem teknologi yang terkini untuk memelihara aset-aset masjid amatlah digalakkan disebabkan oleh kepesatan teknologi yang tiada sempadan pada zaman sekarang. Pihak pengurusan Masjid al-Muttaqin disarankan untuk mempunyai satu atau dua komputer canggih masa kini untuk menyimpan segala maklumat berkenaan aset-aset masjid dan penyata kewangan tahun-tahun yang lalu. Ini akan memudahkan kerja-kerja audit kewangan serta memudahkan pihak masjid untuk merujuk kepada data-data terdahulu untuk dijadikan panduan.
4. Keempat dan terakhir sekali, pihak Masjid al-Muttaqin disarankan untuk menyediakan satu tapak untuk dibina mesin ATM bank-bank yang tertentu untuk kegunaan orang ramai. Dengan adanya mesin ATM tersebut akan memudahkan orang ramai untuk mengeluarkan duit dan menguruskan hal-hal kewangan. Di samping itu, pihak Masjid al-Muttaqin boleh menjana kewangan daripada sewa tapak mesin ATM tersebut. Namun, satu perkara yang perlu di ambil perhatian ialah dengan meletakkan kamera CCTV untuk keselamatan jikalau berlaku kes rompakan dan pecah mesin ATM tersebut.

6) KESIMPULAN

Kesimpulannya, berdasarkan daripada dapatan kajian berkenaan dana pengurusan tabung Masjid al-Muttaqin bagi tahun 2012-2013 menunjukkan perbezaan yang ketara daripada segi pendapatan dan perbelanjaan. Perbezaan tersebut terjadi disebabkan oleh faktor-faktor persekitaran dan orang ramai yang boleh mempengaruhi dapatan sumber kewangan dan kaedah perbelanjaan masjid al-Muttaqin. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan dana terkumpul berada pada tahap yang baik dan boleh dibanggakan kerana ianya tidak pernah merosot malah sentiasa meningkat daripada tahun-tahun yang terdahulu sejak daripada penubuhan Masjid al-Muttaqin. Justeru itu, pihak Masjid al-Muttaqin telah menguruskan dana tabung masjid secara amanah dan berhemah ke arah kebaikan dan kemaslahatan ummah. Melalui kajian kecil ini juga mampu untuk memberi maklumat yang tepat tentang Masjid al-Muttaqin serta di harapkan majid-masjid yang lain dapat mengambil Masjid al-

¹⁴ Hadith riwayat Bukhari dan Muslim.

Muttaqin sebagai contoh dalam menguruskan dana kewangan masing-masing untuk bergerak maju ke hadapan.

RUJUKAN

Al-Bukhari , (t.t.) Muhammad Ibn Isma'il. *Shahih al-Bukhari*. Jilid 1/119. Bulaq: Al-Mathba'ah al-Amiriyyah.

Al-Shahrawi. (1986). *Al-Munjid fi al-Lughah*. Beirut: Dar al-Masyru'.

Al-Zarkashi, Muhammad ibn Abdullah. (1989). *Y'lam al-Sajid bi Ahkam al-Masajid*. Kaherah: Dar al-Kutub.

<http://www.islamgrid.gov.my>

Husin, Huri Yasin. (2011). *Fikih Masjid*. Jakarta: Pustaka al-Kauthar.

Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal ad-Din Muhammad Ibn Mukarram. (1882). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar as-Sadir.

Laporan penyata kewangan Masjid al-Muttaqin tahun 2012-2013.

Mohamad Rasdi, Mohamad Tajudin. (1999). *Peranan, Kurikulum dan Reka Bentuk Masjid Sebagai Pusat Pembangunan Masyarakat*. Johor: UTM Skudai.

Sunan Abu Daud. (1992). jilid 3 : 350.

Yahya Utoh Said (Imam 1 Masjid al-Muttaqin), Ditemuramah oleh penulis, Kuala Lumpur, 30 Oktober 2014.

- 1) Institusi masjid menurut perspektif Islam**
 - Definisi, dalil2, sejarah ringkas, maqasid shari`ah
- 2) Pengurusan masjid di Malaysia**
 - Enakmen pengurusan, institusi bertanggungjawab
- 3) Penubuhan Masjid al-Muttaqin**
 - Sejarah, pentadbiran masjid, program & aktiviti2
- 4) Pengurusan dana tabung Masjid al-Muttaqin tahun 2012-2013**
 - Pemberian, penerimaan, dan perbelanjaan, cadangan penambahbaikan.